

16/12/1999

PM arah menteri tunai janji manifesto (HL)

Jamhariah Jaafar; Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan anggota Kabinetnya bekerja keras menunaikan segala janji di dalam manifesto Barisan Nasional (BN), memahami keperluan dan mendengar luahan rakyat serta berusaha memperbaiki mutu hidup mereka.

Arahan itu dikeluarkan Perdana Menteri di mesyuarat pertama Kabinet selepas pilihan raya ke-10, di Putrajaya, hari ini.

Beberapa menteri yang dihubungi Berita Harian selepas mesyuarat itu, berkata Dr Mahathir meminta mereka bekerja keras untuk memasti semua keperluan rakyat, terutama generasi muda difahami dan dipenuhi.

Selain itu, Perdana Menteri mengarahkan semua menteri mengisytiharkan harta masing-masing.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata, Perdana Menteri mahu semua menterinya menjadi sebuah kerajaan yang mendapat keyakinan rakyat terutama golongan muda.

"Perdana Menteri bukan saja mahu kerajaan yang mampu menunaikan semua janji di dalam manifesto BN, tetapi yang paling penting ialah sebuah kerajaan yang amanah dan berkesan," katanya.

Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri pada 11 Disember lalu, merangkumi 28 portfolio yang membabitkan sembilan menteri baru.

Mereka ialah Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Rais Yatim, kedua-duanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Fong Chan Onn (Menteri Sumber Manusia), Datuk Ong Ka Ting (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Datuk Nazri Abdul Aziz (Menteri Pembangunan Usahawan), Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Menteri Belia dan Sukan), Datuk Effendi Norwawi (Menteri Pertanian), Azmi (Menteri Pembangunan Luar Bandar) dan Tan Sri Musa Mohamad (Menteri Pendidikan).

Azmi berkata sebagai menteri yang baru dilantik beliau mendapati suasana mesyuarat begitu ceria dan semua menteri terutama mereka yang baru, tidak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri.

"Keadaan dan suasana perbincangan begitu liberal. Tidak ada langsung suasana ala diktator seperti yang didakwa segelintir pihak. Semua menteri bebas memberi pendapat masing-masing," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Ka Ting, berkata Perdana Menteri juga menekankan semua menteri perlu bekerja dengan ikhlas, jujur dan sedaya upaya.

Justeru, katanya, dalam usaha untuk memenuhi antara janji yang dibuat oleh kerajaan BN itu, kementeriannya sudah mengenal pasti beberapa aspek terutama membabitkan isu sosial, khususnya perumahan rakyat, sebagai keutamaan.

Turut ditekankan, kata beliau, ialah meningkatkan kualiti hidup semua rakyat yang merangkumi usaha mengimbangkan pembangunan desa dan bandar serta memelihara kualiti alam sekitar.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata Dr Mahathir turut meminta semua menteri supaya membentuk semangat berpasukan untuk membawa negara ini ke era kecemerlangan yang lebih gemilang.

Menteri Pertanian yang baru, Datuk Effendi Norwawi, pula berkata Perdana Menteri memberi arahan yang jelas bahawa beliau mahu semua menteri memberi tumpuan ke arah mencapai Wawasan 2020.

"Beliau mahu kami melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada BN untuk membawa Malaysia ke era yang lebih cemerlang dan setiap seorang daripada kami, tidak kira baru atau lama, memainkan peranan sebaik mungkin,"

katanya.

(END)